

12/09/1998

Senarai projek lulus akan diumumkan

Ismail Mat

SEGAMAT, Jumaat - Kementerian Kerja Raya akan mengumumkan senarai projek infrastruktur yang diluluskan kerajaan untuk diteruskan, tidak lama lagi, kata Menteri, Datuk Seri S Samy Vellu.

Beliau berkata, keputusan kerajaan untuk meneruskan projek infrastruktur itu tepat kerana industri pembinaan memberi sumbangan besar dalam usaha memulihkan ekonomi.

"Senarai projek yang akan diteruskan itu sudah pun siap dan saya akan mengumumkannya tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas majlis penerimaan saham Koperasi Didik daripada ahli MIC di sini.

Samy Vellu bagaimanapun berkata, tidak kesemua 16,000 projek infrastruktur, termasuk pembinaan 24 rangkaian lebuh raya berharga lebih RM20 bilion itu, akan diteruskan.

"Hanya beberapa projek tertentu akan diteruskan sejajar dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikannya sebagai pemangkin usaha memulihkan ekonomi negara," katanya.

Menurutnya, beberapa syarikat pembinaan yang mempunyai modal sendiri, tetapi tidak dapat meneruskan projek kerana kegawatan ekonomi, turut menyatakan hasrat untuk meneruskan projek mereka.

Antara projek itu ialah pembinaan lebuh raya persisir Pantai Timur sepanjang lebih 360 kilometer membabitkan Terengganu dan Pahang di mana kontraktor menunjukkan keupayaan kewangan lebih RM500 juta untuk meneruskan projeknya.

Samy Vellu berkata, dengan penerusan semula projek itu, beratus ribu peluang pekerjaan penduduk tempatan dapat disediakan. Jika pembekuan diteruskan, mereka terpaksa menganggur dan ini menimbulkan masalah baru kepada negara.

Menurutnya, tindakan Bank Negara menyenarai sebahagian projek JKR dalam kategori keutamaan rendah sebelum ini, menyebabkannya terhenti walaupun ada di antaranya sedang berjalan.

"Kontraktor terbabit terpaksa menghentikan kerja kerana ada bank yang menjanjikan pembiayaan projek tidak berminat meneruskan penyaluran sumber kewangan apabila mengetahui ia dikategorikan sebagai keutamaan rendah.

"Tindakan itu menjejaskan industri pembinaan negara ini. Namun keputusan kerajaan meneruskan projek pembangunan JKR memberi kekuatan kepada industri pembinaan tempatan," katanya.

(END)